

## Periwayatan *Isra'iliyyat* Menurut Perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah

MOHD NAZRI AHMAD

### ABSTRAK

*Sejarah telah mencatatkan bahawa kemasukan pengaruh Isra'iliyyat ke dalam ilmu Tafsir secara berleluasa adalah bermula pada zaman Tabi'in. Pada masa ini ramai di kalangan Mufasssir Tabi'in meriwayatkan Isra'iliyyat ke dalam Tafsir mereka seperti Muqatil bin Sulaiman. Artikel ini bertujuan mengupas tentang hukum periwayatan Isra'iliyyat. Kajian ini dibuat dengan cara meneliti nas-nas dari al-Qur'an dan Hadith Sahih serta pendapat ulama mufasssirin yang muhtabar Hasil daripada kajian ini memperlihatkan bahawa kebanyakan riwayat Isra'iliyyat adalah bercanggah dengan kenyataan al-Qur'an dan hadith serta logik akal. Oleh itu menerima dan mentarjihkan pendapat yang mengharamkan periwayatannya adalah lebih wajar memandangkan sumber periwayatannya amat diragui dan kejujrahannya yang tidak boleh diterima pakai.*

### ABSTRACT

*History witnesses the infiltration of the elements of Isra'iliyyat into the science of Qur'anic exegesis started widely during the period of tabiin (period of the companions of the Prophet), during the period, many of Qur'anic commentators such as Muqatil bin Sulaimen had narrated the Isra'iliyyat in their Qur'anic commentaries (tafsir). This article is try to explore the rules of Isra'iliyyat narrative. The evidences from the Qur'an, Sunnah and authoritative commentators are consulted in this study. The finding of this study shows the most of Isra'iliyyat are deviated with the Qur'anis principle, the hadith and logic. Therefore, to accept and preferable the opinion is considered the saiter way assuming that it sources are doubted and it opinions are unacceptable.*

### PENGENALAN

Kemasukan pengaruh *Isra'iliyyat* ke dalam ilmu tafsir bukanlah merupakan fenomena yang baru berlaku. Sejarah telah mencatatkan, meresapnya unsur-unsur *Isra'iliyyat* ke dalam ilmu tafsir bermula semenjak zaman permulaan Islam lagi. Ini disebabkan Islam, Yahudi dan Nasrani masing-masing mempunyai kitab samawi. Secara dasarnya al-Qur'an mempunyai hubungan yang rapat dengan

Taurat dan Injil yang asal dalam perkara-perkara asas seperti akidah. Banyak cerita umat dahulu bersama Rasul-rasul mereka yang tersebut dalam Taurat dan Injil juga terdapat dalam al-Qur'an. Perbezaannya hanyalah dari segi perincian dan umum bentuk cerita. Al-Qur'an lebih memfokuskan kepada pengajaran-pengajaran dan tidak terperinci terhadap satu-satu peristiwa dan tarikhnya. Bertolak dari sini, tumbillah rasa ingin tahu di kalangan Sahabat tentang perincian sesuatu cerita lalu mendorong mereka meminta penjelasan daripada ahli al-Kitab. Namun begitu, para Sahabat amat berhati-hati dalam menerima riwayat tersebut. Tetapi, apabila sampai ke zaman al-Tabi'in mereka dengan sewenang-wenangnya menerima riwayat Isra'iliyyat serta menyebarkannya tanpa dibuat ulasan dan kritikan. Riwayat Isra'iliyyat terus menular ke dalam ilmu tafsir dengan secara tidak terkawal hinggalah seperti yang kita lihat pada hari ini.

#### PENGERTIAN ISRA'ILIIYYAT

Isra'iliyyat ialah jamak daripada Isra'iliyyat iaitu dinisbahkan kepada bani Israil. Menurut bahasa 'Ibrani Isra bermakna hamba dan II bermakna Allah. Al-Qaffāl berkata: Ada pendapat yang mengatakan bahawa *isra* bermakna insan. Oleh itu, lafaz Israil bermakna 'rajulullah (hamba Allah)' (Fakhr al-Razi 1411H, 3:27).

Israil merupakan nama yang kedua bagi Nabi Ya'qub a.s. Ini berdasarkan Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud al-Tayalisi: (Ibn Kathir 1988 1:79) yang maksudnya:

Ibn 'Abbas berkata: Satu kumpulan Yahudi bertemu dengan Nabi s.a.w. lalu Baginda s.a.w. berkata kepada mereka: "Adakah kamu tahu bahawa Israil itu Ya'qub a.s.?" Lalu mereka menjawab: Ya! Maka kata Nabi s.a.w. "Ya Allah! Bersaksilah"

Dalam al-Qur'an, Allah menyebut nama Nabi Ya'qub a.s. dengan Israil pada dua tempat iaitu dalam surah *Al 'Imrān*: 93 yang bermaksud:

Segala jenis makanan dahulunya adalah halal bagi Banu Israil kecuali makanan yang diharamkan oleh Israil (Nabi Ya'qub) kepada dirinya sendiri sebelum diturunkan Kitab Taurat.

dan dalam surah *Maryam*: 58 yang bermaksud:

Mereka itulah sebahagian dari nabi-nabi yang telah dikurniakan oleh Allah nikmat yang melimpah-limpah kepada mereka dari keturunan Nabi Adam dan dari keturunan orang-orang yang Kami bawa (dalam bahtera) bersama-sama Nabi Nuh dan dari keturunan Nabi Ibrahim dan (dari keturunan) Israil dan mereka itu adalah orang-orang yang Kami beri petunjuk hidayah dan Kami pilih.

Bani Israil ialah anak cucu keturunan Nabi Ya'qub bin Ishaq bin Ibrahim a.s. Mereka dilahirkan di Mesir pada waktu antara kedatangan Nabi Ya'qub a.s. ke Mesir dan penghijrahan Nabi Musa a.s. bersama-sama pengikutnya keluar daripada Mesir (Ahmad Ali Majdub 1412H:23).

Sekalipun maksud perkataan Isra'iliyyat itu pada zahirnya dinisbahkan kepada Israil (Nabi Ya'qub a.s.), namun maksud sebenarnya adalah dinisbahkan kepada Bani Israil (anak cucu nabi Ya'qub a.s.).

Lafaz Isra'iliyyat bermaksud kisah-kisah dan cerita-cerita yang diambil daripada sumber-sumber Yahudi (al-Dhahabi 1989:176). Ulama-ulama tafsir dan hadith mendefinisikan Isra'iliyyat dalam lingkungan pengertian yang lebih luas. Menurut istilah mereka, Isra'iliyyat bermaksud cerita-cerita lama yang direka-reka dan dimasukkan ke dalam tafsir dan hadith serta disandarkan kepada sumber Yahudi atau Nasrani atau lainnya. Malah sebahagian ulama tafsir dan hadith menganggap Isra'iliyyat ialah setiap kisah yang dicipta dan diserapkan oleh musuh-musuh Islam ke dalam tafsir dan hadith dengan niat yang jahat untuk merosakkan akidah orang-orang Islam (al-Dhahabi 1989:13-14) seperti kisah *Gharaniq*, dan kisah Nabi Dawud a.s. dengan isteri panglimanya.

Kesemua bentuk penyelewengan dan kebatilan yang menjurus kepada ilmu tafsir dan hadith adalah disebut Isra'iliyyat kerana sumber asalnya kembali kepada Yahudi. Mereka lebih banyak menukikan perkara-perkara tersebut dan mereka juga lebih banyak bersosial dengan masyarakat Islam sejak zaman permulaan Islam (al-Dhahabi t.th:15).

#### HUKUM MENUKIL RIWAYAT ISRA'ILIIYYAT

Para ulama berbeza pendapat tentang kedudukan Isra'iliyyat sama ada ia harus diriwayatkan atau tidak. Ini kerana ia menyentuh bidang pentafsiran yang kesan akhirnya boleh menjejaskan akidah seseorang. Timbulnya perbezaan pendapat di kalangan ulama dalam masalah ini, kerana terdapat dalil-dalil yang berbeza mengenai larangan dan tegahan.

#### DALIL TEGAH MENUKIL RIWAYAT ISRA'ILIIYYAT

Al-Qur'an telah menceritakan tentang orang-orang Yahudi dan Nasrani yang telah menyeleweng, mengubah isi kitab-kitab mereka dan menyembunyikan sebahagian besar kandungan kitab-kitab tersebut. Perbuatan ini telah menyebabkan hilangnya kepercayaan umat Islam terhadap mereka dan apa yang mereka sampaikan. Dalam al-Qur'an Allah Ta'ala banyak menceritakan tentang penyelewengan yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani antaranya yang bermaksud (al-An'am: 91):

Dan tiadalah mereka (kaum Yahudi) menghormati Allah sesuai dengan penghormatan yang sebenarnya ketika mereka berkata: "Allah tidak menurunkan sesuatu pun kepada manusia" Bertanyalah (kepada kaum Yahudi yang ingkar itu) siapakah yang menurunkan kitab Taurat yang dibawa oleh Nabi Musa sebagai cahaya dan petunjuk bagi manusia yang kamu jadikan dia lembaran-lembaran kertas, sambil kamu memperlihatkan (kepada

orang ramai sebahagian kecil daripadanya) dan kamu sembunyikan kebanyakannya, sedang kamu pula diajarkan (dengan pengajaran yang terkandung di dalamnya) yang tidak diketahui oleh kamu (sebelum itu) dan tidak juga oleh datuk nenek kamu, katakanlah (kepada mereka) Allah jualah (yang menurunkan) kemudian biarkanlah mereka leka bermain-main dalam kesesatan.

Ayat ini menjelaskan bahawa orang-orang Yahudi telah mengubah sebahagian isi kitab. Mereka cuma memperlihatkan apa yang mereka suka sahaja dan menyembunyikan kebanyakan daripada isinya seperti sifat Nabi Muhammad s.a.w. (Sulaiman al-<sup>c</sup>Ujailiy t.th:61).

Dalam ayat yang lain Allah berfirman pula berkenaan dengan orang-orang Nasrani: (al-Maidah:14) yang bermaksud:

Dan di antara orang-orang yang berkata: “Bahawa kami ini orang-orang Nasara” Kami juga telah mengambil perjanjian setia mereka. Maka mereka juga telah melupakan (meninggalkan) sebahagian dari apa yang diperingatkan mereka dengannya, lalu Kami tanamkan perasaan permusuhan dan kebencian di antara mereka sampai ke hari kiamat dan Allah memberitahu mereka dengan apa yang telah mereka kerjakan.

Kemudian dalam ayat yang seterusnya Allah s.w.t. berfirman ditujukan kepada kedua-dua kumpulan tersebut yang bermaksud (al-Ma'idah:15):

Wahai ahli al-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul Kami (Muhammad s.a.w.) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari kitab suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak memindahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah kitab (al-Qur'an) yang jelas nyata kebenarannya.

Ayat ini ditujukan kepada orang-orang Yahudi dan Nasrani. Dalam ayat ini Allah s.w.t. telah menyatakan bahawa Dia mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. dan Baginda menerangkan kepada mereka apa yang telah mereka sembunyikan dalam kitab-kitab mereka seperti ayat rejam dan kisah *ashab al-sabt* yang telah diubah rupa menjadi kera (al-Shawkanī 1403H:23).

Ayat-ayat di atas jelas menunjukkan betapa buruknya sikap orang-orang Yahudi dan Nasrani yang telah mengubah, menyeleweng dan menyembunyikan sesuatu yang Allah turunkan dalam kitab mereka. Perlakuan jahat mereka ini telah menyebabkan hilangnya kepercayaan umat Islam terhadap mereka dan apa yang mereka sampaikan. Berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an di atas, Isra'iliyyat tidak harus diterima dan diriwayatkan kerana orang-orang Yahudi dan Nasrani telah banyak melakukan penyelewengan. Kemungkinan besar segala riwayat Isra'iliyyat daripada mereka telah diubah dan diselewengkan.

Terdapat beberapa hadith sahih yang menunjukkan tidak harus menerima riwayat Isra'iliyyat di antaranya yang bermaksud (al-Bukhari t.th:100):

Daripada Abu Hurairah r.a. berkata: Adalah ahli al-Kitab membaca Taurat dalam bahasa <sup>c</sup>Ibrani dan mentafsirkannya dalam bahasa Arab untuk orang-orang Islam. Lalu Rasulullah s.a.w. berkata: Janganlah kamu membenarkan ahli al-Kitab dan janganlah kamu

mendustakannya. Katakanlah bahawa kami beriman dengan Allah dan apa yang diturunkan kepada kami.

Hadith ini menunjukkan bahawa tidak ada kepercayaan lagi terhadap apa yang disampaikan oleh ahli al-Kitab dan yang diambil dari mereka. Oleh itu sesuatu yang tidak dipercayai adalah tidak boleh diriwayatkan. Ahmad bin Hanbal meriwayatkan (t.th: 120) yang bermaksud:

‘Umar ibn al-Khattab r.a. datang kepada Rasulullah s.a.w. dengan sebuah kitab yang diambil daripada ahli al-Kitab lalu dibacanya di hadapan Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. marah dan berkata: Adakah engkau terpegun dengan apa yang ada padanya wahai Ibnu al-Khatab? Demi Tuhan yang diriku di tanganNya, sesungguhnya aku telah bawa kepada kamu sesuatu yang putih bersih (al-Qur'an). Janganlah kamu bertanya mereka tentang sesuatu, maka mereka ceritakan sesuatu yang benar lalu kamu dustakan, atau sesuatu yang dusta lalu kamu benarkan. Demi Tuhan yang diriku di tanganNya, jikalau Musa a.s. masih hidup, ia tidak ada pilihan kecuali mengikut aku.

Hadith-hadith di atas jelas menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. melarang keras para Sahabat daripada mengambil dan meriwayatkan sesuatu tentang Isra'iliyyat kerana sikap Yahudi dan Nasrani yang suka menyeleweng dan mengubah segala isi kitab mereka.

#### DALIL HARUS MENUKIL RIWAYAT ISRA'ILIIYYAT

Dalam al-Qur'an terdapat beberapa ayat yang menunjukkan harus merujuk kepada ahli al-Kitab dan mengemukakan pertanyaan tentang sesuatu yang bersangkutan dengan mereka. Antaranya firman Allah yang ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud (Yunus: 94):

Jika sekiranya engkau (Wahai Muhammad s.a.w.) merasa ragu-ragu tentang apa yang Kami turunkan kepadamu, maka bertanyalah kepada orang-orang yang membaca Kitab-kitab yang diturunkan sebelummu (kerana mereka mengetahui kebenarannya).

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah s.w.t. mengharuskan bagi Nabi s.a.w. dan umatnya merujuk sesuatu kepada ahli al-Kitab. Keizinan daripada syarak ini adalah umum bagi semua umat selama tidak ada dalil yang menunjukkan bahawa ianya *khususiyah* bagi Nabi s.a.w. (al-Shawkani: 473).

Melalui ayat ini Allah s.w.t. memerintah Nabi s.a.w. meyakinkan orang-orang yang ragu-ragu terhadap al-Qur'an supaya bertanyakan ahli Kitab yang telah memeluk Islam. Mereka akan menceritakan bahawa al-Qur'an itu adalah perkara yang sebenar (al-Qinujī 1412H/1992M: 122; al-Maraghī 1383H/1963M: 154).

Allah Ta'ala berfirman lagi ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud (Al Imran: 93):

Katakanlah (wahi Muhammad): “(Jika ada makanan yang diharamkan kepada kamu – wahi Bani Israil – sebelum kitab Taurat diturunkan) maka bawalah kamu kitab Taurat itu kemudian bacalah akan dia, kalau betul kamu orang-orang yang benar”

Terdapat beberapa hadith sahih yang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. memberi keizinan merujuk kepada ahli Kitab antaranya: yang bermaksud: (al-Bukhari t.th: 258).

Daripada Abdullah bin Amr, bahawa Nabi s.a.w. bersabda: Sampaikanlah daripada aku walaupun satu ayat, perkatakanlah tentang Bani Israil, ia tidak menjadi kesalahan, sesiapa yang berdusta ke atasku bersedialah tempatnya dalam neraka.

Telah sabit dalam beberapa riwayat bahawa sesetengah Sahabat merujuk kepada ahli Kitab yang memeluk Islam untuk bertanyakan masalah-masalah yang berhubung dengan kitab mereka seperti Abu Hurairah, Ibnu ‘Abbas, Ibnu Mas‘ud dan lain-lain. Tersebut juga dalam satu riwayat bahawa ‘Abdullah bin ‘Amr al-‘As telah berjumpa dua lembaran kitab milik ahli Kitab pada hari peperangan Yarmuk dan beliau memperkatakan mengenainya (Ibn al-Taymiyyah 1980:42; al-Dhahabi t.th: 46).

Berdasarkan kepada dalil-dalil di atas, menerima dan meriwayatkan Isra’iliyyat adalah sesuatu yang diharuskan.

#### PENYELARASAN DALIL MENEGAH DAN MENGHARUSKAN ISRA’ILIIYYAT

Islam merupakan agama yang menyarankan supaya umatnya mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Ilmu itu menjangkau kepada pengetahuan yang dimiliki oleh umat-umat yang terdahulu, termasuk agama kebudayaan dan cara kehidupan harian mereka.

Apabila kita meneliti al-Qur’an, kita mendapati banyak ayat yang menyuruh Nabi s.a.w. dan umatnya merujuk kepada ahli Kitab di kalangan Yahudi dan Nasrani. Tujuannya untuk bertanyakan tentang perkara sebenar yang diturunkan dalam kitab-kitab mereka, juga yang diturunkan bersama syariat Nabi Muhammad s.a.w. yang telah mereka ingkari. Suruhan ini bertujuan untuk berhujah dengan mereka, mudah-mudahan mereka beroleh petunjuk ke jalan kebenaran.

Antara ayat-ayat al-Qur’an yang menunjukkan harus ke atas Nabi s.a.w. dan umat Islam merujuk kepada ahli Kitab ialah yang bermaksud: (al-A‘raf: 165)

Dan bertanyalah kepada mereka (wahi Muhammad) mengenai penduduk bandar yang letaknya di tepi laut semasa mereka melanggar (larangan) pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu itu ikan-ikan (yang menjadi cubaan) kepada mereka, yang kelihatan tumbul di muka air, sedang pada hari-hari yang lain, ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah Kami menguji mereka (dengan cubaan itu) kerana mereka sentiasa berlaku fasiq.

Ibnu Kathir (1988:246) mengharuskan bertanya kepada orang Yahudi yang ada di sekitar, tentang kisah orang yang menyalahi perintah Allah, diturunkan bala disebabkan perbuatan mereka, permusuhan yang mereka lakukan dan helah untuk menyalahi perintah Allah. Mereka juga diberi amaran kerana menyembunyikan sifat Muhamad s.a.w. yang terdapat dalam kitab mereka, yang menghalalkan bagi mereka apa yang halal bagi orang-orang yang sebelum mereka.

Al-Qur'an juga banyak menceritakan tentang kisah Bani Israil dan juga umat-umat terdahulu. Ini menunjukkan bahawa harus ke atas umat Islam memperkatakan sesuatu tentang Bani Israil yang diketahui kebenarannya untuk dijadikan sebagai peringatan dan pengajaran. Antara ayat-ayat yang menceritakan tentang kisah Bani Israil ialah yang bermaksud (al-Ma'idah: 20-26):

Isa Ibnu Maryam (pun berdoa kehadiran Allah Ta'ala dengan) berkata: "Ya Allah, Tuhan kami! Turunkanlah kiranya kepada kami satu hidangan dari langit, untuk menjadi hari raya bagi kami, iaitu bagi kami yang ada pada hari ini dan bagi orang-orang kami yang datang kemudian, dan sebagai satu tanda (mukjizat) daripadaMu yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaanMu); dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana engkau jualah sebaik-baik yang memberi rezeki. Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku akan menurunkannya (hidangan itu) berulang-ulang kepada kamu, kemudian sesiapa di antara kamu kufur serta ingkar sesudah (turunnya hidangan itu), maka sesungguhnya aku akan menyiksanya dengan azab sengsara yang tidak pernah aku siksakan seseorang pun dari sekalian makhluknya.

Daripada ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith sahih yang telah dikemukakan, maka kita dapat mengambil kesimpulan bahawa merujuk kepada ahli Kitab merupakan perkara yang harus dan dibenarkan oleh syarak. Tetapi bukanlah pada semua perkara, ia hanyalah terhadap perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan nas qat'i daripada al-Qur'an dan al-Sunnah dan logik akal.

Setiap kisah Bani Israil yang dibentangkan dalam al-Qur'an dan hadith-hadith sahih adalah merupakan perkara yang benar. Ia bukan sekadar cerita sahaja seperti yang dilakukan oleh tukang-tukang cerita, bahkan ia disebut bagi tujuan pengajaran dan peringatan bagi umat. Sehubungan itu Allah berfirman yang bermaksud: (Yusuf: 111)

Demikianlah kisah Nabi-nabi itu mengandungi pengajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung di dalam al-Qur'an) bukan ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi petunjuk hidayah dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.

Setelah diteliti kepada nas-nas yang telah dikemukakan tentang hukum mengenai Isra'iliyyat, dapatlah disimpulkan seperti berikut:

1. Setiap Isra'iliyyat yang sahih (iaitu tidak bertentangan dengan nas qat'i daripada al-Qur'an dan al-Sunnah) harus diterima, tetapi bukan sebagai pegangan asas, ia hanya sekadar sokongan sahaja.

2. Setiap Isra'iliyyat yang batil, bercanggah dengan nas qat'i daripada al-Qur'an dan al-Sunnah dan logik akal, tidak harus diriwayatkan kecuali disertai dengan kritikan tentang kebatilannya.
3. Setiap Isra'iliyyat yang masih dalam andaiian tentang kebenarannya, ia tidak harus diterima dan juga tidak harus ditolak. Namun meriwayatkannya masih lagi diharuskan.

#### PANDANGAN IMAM IBNU AL-TAYMIYYAH TERHADAP ISRA'ILIIYYAT

Imam Ibnu al-Taymiyyah dalam kitabnya *Muqaddimah fi usul al-tafsir* telah membuat ulasan yang panjang mengenai hukum meriwayatkan Isra'iliyyat (Ibn. Al-Taymiyyah 1980:42). Beliau menjelaskan bahawa setiap Hadith Isra'iliyyat hanyalah dijadikan sebagai penyaksian sahaja dan bukan untuk dijadikan pegangan dan hujah. Ianya terbahagi kepada tiga bahagian:

1. Sesuatu yang dipastikan kesahihannya berdasarkan nas yang telah membuktikan kesahihannya. Maka Isra'iliyyat yang seumpama ini dihukumkan dengan Sahih.
2. Sesuatu yang dipastikan kebatilannya berdasarkan nas yang menyatakan kebatilannya.
3. Sesuatu yang tidak ada nas bagi membuktikan kesahihannya dan kebatilannya. Ia tidak boleh diterima atau ditolak. Isra'iliyyat dari bahagian ini harus diriwayatkan berdasarkan hadith; maksudnya (al-Bukhariy t.th: 258).

Perkatakanlah tentang Banī Israil dan ia tidak menjadi kesalahan. Barang siapa yang berdusta ke atasku bersedialah tempatnya di dalam neraka.

Isra'iliyyat yang seperti ini kebiasaannya tidak mendatang faedah terhadap agama. Dengan sebab itu, ulama ahli Kitab sentiasa berselisih dalam meriwayatkan perkara yang seperti ini. Sesuatu yang diriwayatkan oleh ahli tafsir juga tidak serupa disebabkan percanggahan daripada ulama ahli Kitab. Contohnya, percanggahan mengenai nama *Ashab al-Kahf*, warna anjing mereka, bilangan mereka, jenis kayu tongkat Nabi Musa a.s., nama-nama burung yang Allah hidupkan bagi Nabi Ibrahim a.s., menentukan anggota lembu yang digunakan untuk memukul orang yang dibunuh, jenis pokok yang bercakap dengan Nabi Musa a.s. dan perakra-perkara lain yang tidak dijelaskan oleh al-Qur'an kerana tidak membawa apa-apa faedah di sebalik penjelasan tersebut. Ia hanyalah membebaskan terhadap perkara dunia dan bukan perkara akhirat. Tetapi menjelaskan perselisihan yang berlaku antara mereka adalah harus berdasarkan firman Allah s.w.t. yang bermaksud (al-Kahf: 22):

(Sebahagian dari) mereka akan berkata: "Bilangan Ashab al-Kahf itu tiga orang, yang keempatnya ialah anjing mereka, dan setengahnya pula berkata: "Bilangan mereka lima



orang, yang keenamnya ialah anjing mereka”, secara meraba-raba dalam gelap akan sesuatu yang tidak diketahui; dan setengah yang lain berkata: “Bilangan mereka tujuh orang, dan yang kedelapan ialah anjing mereka” Katalah (wahi Muhammad): “Tuhanku lebih mengetahui akan bilangan mereka, tiada yang mengetahui akan bilangan mereka melainkan sedikit” Oleh itu, janganlah engkau berbahas dengan sesiapa pun mengenai mereka melainkan dengan bahasan (secara sederhana) yang nyata (keterangannya di dalam al-Qur'an), dan janganlah engkau meminta penjelasan mengenai hal mereka kepada seseorang pun dari golongan (yang membincangkan hal mereka)”

Ayat ini mengajar adab yang baik dan memberitahu sesuatu yang patut dipelajari ketika berhadapan dengan situasi seperti ini. Dalam ayat tersebut, Allah s.w.t. memberitahu bahawa terdapat tiga pendapat daripada ulama Yahudi tentang bilangan *Ashab al-Kahf*. Dalam ketiga-tiga pendapat tersebut, Allah menyatakan dua daripadanya adalah lemah dan Allah mendiamkan terhadap pendapat yang ketiga. Ini menunjukkan bahawa pendapat yang ketiga ini sah. Seandainya ia batil, nescaya Allah akan menolaknya seperti Dia menolak pendapat yang pertama dan kedua. Kemudian Allah menjelaskan bahawa berusaha untuk mengetahui bilangan mereka adalah merupakan satu perkara yang di luar kemampuan. Sehubungan itu Allah berfirman yang bermaksud (al-Kahf: 22):

Katalah (wahi Muhammad): “Tuhanku lebih mengetahui akan bilangan mereka”

Sesungguhnya sedikit sahaja dari golongan manusia yang mengetahui perkara tersebut, yang mana mereka itu telah dianugerah oleh Allah dengan ilmu yang sedemikian.

Dengan sebab itulah Allah memperingatkan dengan firmanNya (al-Kahf: 22):

Iaitu janganlah engkau menyusahkan diri terhadap perkara yang di luar kemampuan, dan janganlah bertanya kepada mereka (Ahli al-Kitab) berkenaan dengan masalah itu. Sesungguhnya mereka tidak mengetahui perkara tersebut melainkan hanya secara andaian bagaikan orang yang meraba-raba dalam kegelapan sahaja.

Ibn al-Taymiyyah (t.th:43-44) meletakkan beberapa garis panduan dan pedoman bagi sesiapa yang ingin mengemukakan perselisihan pendapat antaranya:

1. Hendaklah mengemukakan kesemua pendapat dan cadangan dalam masalah tersebut.
2. Menyatakan pendapat yang sah daripada pendapat-pendapat yang telah dikemukakan.
3. Menyebut tentang kebaikan perselisihan tersebut supaya tidak menimbulkan kontroversi terhadap permasalahan yang tidak mendatangkan faedah dan kebaikan yang akan menyebabkan waktu dihabiskan terhadap perkara yang tidak berfaedah.

Orang yang membentangkan perselisihan pendapat tanpa mengemukakan kesemua pendapat yang ada, adalah satu kekurangan, kerana berkemungkinan pendapat yang betul daripada pendapat-pendapat tersebut tidak disebut. Orang yang menceritakan tentang perselisihan pendapat, tetapi di akhirnya tidak menjelaskan pendapat manakah yang lebih sahih, ini juga dianggap sebagai kekurangan. Sekiranya ia mentashihkan sesuatu yang tidak sahih dengan sengaja, bermakna ia berpegang dengan pendapat yang dusta. Jika ia melakukannya secara jahil, maka ia telah melakukan satu kesilapan.

#### SIKAP ULAMA TERHADAP AHLI TAFSIR YANG MERIWAYATKAN ISRA'ILIIYYAT

Terdapat sebahagian ulama yang cuba memaafkan dan bertolak ansur terhadap ahli tafsir yang meriwayatkan Isra'iliyyat dalam tafsir mereka. Mereka menganggap bahawa maklumat-maklumat yang diwarisi daripada Yahudi dan lainnya mendatangkan manfaat bagi menjelaskan cerita-cerita yang diperincikan dalam al-Qur'an. Bagi menjelaskan kedudukan cerita-cerita yang telah diriwayatkan, mereka serahkan kepada pengkritik-pengkritik yang kemudian daripada mereka. Tujuan mereka mengemukakan cerita-cerita Isra'iliyyat hanyalah sekadar menyampaikan maklumat, bukan untuk dijadikan pegangan. Oleh itu ahli tafsir tidak boleh dipersalahkan selagi mereka bertujuan begitu (al-Kawthari t.th:40).

Sulaiman bin Abd al-Qawiy al-Tufi memohon maaf bagi pihak ahli tafsir yang memenuhi tafsir mereka dengan Isra'iliyyat dan menganggap tujuan mereka adalah seperti yang telah dijelaskan di atas. Beliau mengumpamakan mereka seperti orang yang berusaha mengumpulkan sebanyak-banyak hadith. Namun tugas mengklasifikasikan hadith-hadith tersebut diserahkan kepada pengkritik-pengkritik yang datang selepas daripada mereka (al-Kawthari t.th:40).

Namun Husayn al-Dhahabi tidak bersetuju dengan kelonggaran tersebut. Kemaafan boleh diberi sekiranya ahli tafsir meriwayatkan Isra'iliyyat disertai dengan sanad yang lengkap dan orang-orang yang meneliti kitab-kitab tafsir mereka mampu membezakan antara riwayat yang sahih dan batil. Tetapi sekiranya riwayat-riwayat Isra'iliyyat itu dibuang sanadnya dan juga kebanyakan orang yang menatap tafsir mereka bukan daripada kalangan pengkritik serta tidak mampu membuat penilaian, mereka seolah-olah menabur duri di jalan-jalan yang hendak dilalui oleh penggemar-penggemar tafsir (al-Dhahabi t.th:164).

#### KESIMPULAN

Syariat Islam merupakan syariat yang lengkap dan sempurna. Setiap persoalan yang timbul telah dikupas oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sentiasa dipelihara

oleh Allah. Kecenderungan umat Islam untuk mengetahui sesuatu yang di luar daripada kenyataan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih, adalah sesuatu yang tidak wajar. Ia hanyalah merugikan masa umat Islam. Umur yang diberi oleh Allah kepada manusia adalah untuk dimanfaatkan kepada perjuangan Islam bukan untuk membincangkan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti panjang ular Nabi Musa a.s., warna anjing *Ashab al-Kahf* dan sebagainya.

## RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim.  
 al-Bukhari, Abu Abdulah Muhammad bin Ismail. t.th. *Matan al-Bukhari bi hasyiah al-Sindi*. Misr: Matbaah Faisal Isa al-Babi al-Halabi.  
 al-Dhahabi, Muhammad Husain. t.th. *Al-Isra'iliyyat fi al-tafsir wa al-hadith*. Misr: Maktabah Wahbah.  
 al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 1989. *Al-Tafsir wa al-mufasssirin*. Misr: Maktabah Wahbah.  
 al-Kawthari, Muhammad Zahid. t.th. *Maqalat al-Kawthari*. t.tp. t.pt.  
 al-Maraghi, Ahmad Mustafa al-Maraghi. 1963. *Tafsir al-Maraghi*. Misr: Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladih Bi Misr.  
 al-Qaynuji, Siddiq bin Hasan. 1992. *Fath al-bayan fi maqasid al-Qur'an*. Abdullah bin Ibrahim al-Ansari (Tahqiq). Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah.  
 al-Qurtubi, Abdullah bin Ahmad al-Ansari. 1988. *Al-Jami' li ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.  
 al-Razi, Abd al-Rahman bin Abu Hatim (748H). t.th. *Kitab al-jarh wa al-ta'dil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.  
 al-Sa'ati, Ahmad Abd al-Rahman al-Bana. t.th. *Al-Fath al-rabbani li tartib musnad imam Ahmad bin Hanbal al-Shaibani*. t.tp: Matba'ah al-Ikhwan al-Muslimin.  
 al-Ujayli Sulayman bin Umar al-Shafi'i. t.th. *Al-Futuhah al-ilahiyah bi tawdih tafsir al-Jalalan li al-daqa'iq al-khafiyyah*. Misr: Dar al-Fikr L1 al-Tibaah Wa al-Nashr Wa al-Tawzi'  
 Fakhr al-Din al-Razi (544-604H). 1990. *Al-Tafsir al-kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.  
 Ibn al-Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad. 1980. *Muqaddimah fi usul al-tafsir*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.  
 Ibn Kathir, Abu Fida' Ismail bin Kathir. 1988. *Tafsir al-Qur'an al-azim*. Qaherah: Dar al-Hadith.  
*Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an, 30 juzuk*. 1995. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan al-Qur'an dan Sunnah  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor Darul Ehsan

